

BIDANG KEPAKARAN

1. Ekonomi Pembangunan
(*Economy Development*)
2. Pertanian dan Sekuriti Makanan
(*Agriculture and Food Security*)



DR. ROSPIDAH GHAZALI

PROFIL

Rospidah Ghazali (PhD) merupakan Felo Penyelidik di Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI) Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau memperolehi Ijazah Sarjana Muda (Ekonomi dan Pengurusan), Sarjana (Alam Sekitar dan Pembangunan) dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Seterusnya memperolehi Ijazah Doktor Falsafah dari Universiti Malaya (Ekonomi). Penyelidikan beliau banyak memfokus kepada bidang pertanian dan sekuriti makanan terutamanya bagi komoditi padi, kelapa sawit, getah dan perikanan dan hubung kaitnya dengan isu-isu kelestarian. Penyelidikan terkini beliau ialah berkenaan 'Penilaian Ekonomi, Kemudahterancaman dan Kelestarian Penghidupan Nelayan dan Penternak Ikan di Sungai Pahang'. Pengalaman luas beliau dalam bidang ini telah mendorong Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) untuk melantik beliau sebagai ahli pakar rujuk di dalam Jawatan kuasa Eksekutif Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara yang berperanan memberi saranan dan cadangan untuk menambah baik dasar sekuriti makanan negara. Di samping itu, beliau turut aktif menyelidik isu-isu kumpulan berpendapatan rendah (B40) di kalangan komuniti luar bandar dan bandar. Aspek penyelidikan B40 merangkumi kemudahterancaman, daya tahan B40 dan keberkesanan program intervensi. Penyelidikan-penyelidikan ini mendapat pembiayaan dana daripada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dana Universiti Penyelidikan (RU), UNEP-Malaysia Global Environment Facility–Small Grants Programme (UNEP GEF-SGP). Bagi komponen perundingan, beliau telah dilantik sebagai perunding bagi membangunkan Dasar Alam Sekitar Negara (2021-2030) khususnya dalam aspek ekonomi dan pelaburan hijau. Bagi komponen khidmat masyarakat, beliau menjadi ahli Lembaga Editorial bagi Malaysian Journal Agricultural Economics dan sering diminta untuk mengaudit akaun kewangan Persatuan Agroekologi dan Intensifikasi Sumber (SRI-Mas). Beliau turut terlibat aktif mempromosikan amalan pertanian lestari di kalangan petani menerusi platform penglibatan di dalam NGO.